

KRONOLOGI TUNTUTAN SULU KE ATAS SABAH 1878 SEHINGGA 2023: SATU ANALISA RINGKAS

Hasnah Hussiin^{1*}

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

hasnah@umpsa.edu.my

ABSTRAK

Sabah adalah sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia. Sabah memperolehi kemerdekaan dengan menyertai Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Namun, kedaulatan Sabah seringkali tercabar ekoran wujudnya tuntutan Kesultanan Sulu dari Filipina yang menuntut Sabah adalah miliknya. Sejak 1888 sehinggalah tahun 2023, Sulu tetap mempertahankan tuntutannya terhadap Sabah. Isu ini telah mendapat perhatian dunia sehingga menarik Malaysia ke arena antarabangsa bagi menyelesaikan masalah ini. Campurtangan antarabangsa adakalanya mencabar Malaysia untuk terus mempertahankan Sabah berdasarkan sejarah dan undang-undang. Kajian ini bertujuan untuk memaparkan kronologi tuntutan Sulu ke atas Sabah dari tahun 1888 sehinggalah tahun 2023. Hasil campurtangan pihak antarabangsa dan juga kesungguhan Malaysia, Sabah bebas dari tuntutan Sulu dan Sabah kekal merdeka di bawah Malaysia. Diharap kajian ini akan membantu memperkayakan bahan tentang sejarah pembentukan negara bangsa Malaysia khususnya kedudukan Sabah sebagai negeri yang berdaulat di bawah Malaysia.

Kata Kunci : Malaysia, kedaulatan, Sabah, Kesultanan Sulu, Persekutuan Malaysia

1. Pengenalan

Sebutan “negeri di bawah bayu” sangat sinonim dengan Sabah. Penubuhan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 yang mengandungi Semenanjung Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura merupakan suatu kejayaan bagi wilayah ini untuk bergabung dalam Persekutuan yang lebih besar telah memberikan impak kepada pembangunan ekonomi dan politik di rantau ini. Hasilnya Malaysia telah dikenali di mata dunia sebagai negara termaju dalam kalangan negara ASEAN. Pemisahan Singapura dari Persekutuan Malaysia pada tahun 1965 tidak menghalang Malaysia untuk terus menyinar di peringkat antarabangsa. Kita memahami bahawa sudah pasti ramai yang ingin tahu tentang sejarah latarbelakang tuntutan Sulu ke atas Sabah. Ini memandangkan dalam tempoh 2022-2023, Sulu semakin kuat bersuara tentang tuntutannya ke atas Sabah. Sejarah tuntutan Sulu ke atas Sabah perlu dirakamkan kerana ia adalah sebahagian daripada sejarah perkembangan negara bangsa Malaysia dan Malaysia pada amnya. Di sinilah pentingnya sejarah dalam pembangunan negara bangsa. Tanpa mengetahui sejarah, kita tidak mampu untuk memahami kedudukan perkara yang sebenar kerana sejarahlah titik bermulanya sesuatu peristiwa atau isu. Penulisan ini akan membentangkan kronologi ringkas tuntutan Sulu ke atas Sabah dari awal hingga akhir agar masyarakat merasa pentingnya menjaga kedaulatan negara daripada mudah diambil oleh orang luar tanpa dokumentasi yang sah.

2. Metodologi kajian

Kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif berdasarkan kerangka metodologi penyelidikan sejarah iaitu melalui proses heuristik, kritik, tafsiran dan sintesis sumber. Metodologi kajian sejarah digunakan dalam kajian ini adalah untuk mencapai objektiviti sejarah iaitu mendapatkan kebenaran sesuatu peristiwa. Maka kajian ini akan bergantung kepada sumber primer dan sekunder yang tepat dan mencukupi bagi menghasilkan kajian sejarah yang sebenarnya berlaku.

*Pensyarah Kanan, Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

Dalam melaksanakannya, pengkaji menggunakan kaedah library research iaitu mengumpul maklumat yang diperolehi dari Arkib Negara yang melibatkan sumber primer dan sekunder.

3. Perbincangan

Kajian Lepas

Nurul Liyana Farahani (2022) melakukan kajian tentang sejarah tuntutan Filipina ke atas Sabah dari tahun 1962 sehinggalah ke tahun 2013 dengan menelusuri sejarah pemilikan wilayah Pantai Timur Sabah terhadap Kesultanan Sulu, membincangkan tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam konteks perundangan dan sejarah serta kesan langsung tuntutan Filipina ke atas Sabah. Perjanjian yang dilakukan oleh Kesultanan Sulu dan pihak British pada 22 Januari 1878 telah memberi kesan kepada hubungan Malaysia Filipina dari aspek politik, ekonomi dan sosial.

Rammani Karupiah & Mohd Firdaus Abdullah (2022), membincangkan tuntutan Filipina ke atas Sabah dari tahun 1962 sehingga 2010 berdasarkan perspektif Filipina secara keseluruhannya. Dalam tempoh yang dinyatakan, dapat dilihat isu tuntutan kerajaan Filipina ke atas Sabah kepada Malaysia telah mendominasi hubungan dua hala kedua-dua negara. Meskipun hubungan bilateral telah terjalin sejak Persekutuan Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan pada tahun 1957, isu tuntutan ini telah menjejaskan hubungan berkenaan. Bermula dari pemerintahan Macapagal sehingga Arroyo, pelbagai polisi dan dasar telah dibentuk oleh kerajaan Filipina dalam menangani isu tuntutan ke atas Sabah. Maka dengan itu, artikel ini ingin memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai tuntutan ke atas Sabah bermula dari tahun 1962 sehingga 2010 daripada perspektif Filipina. Hasil kajian menunjukkan bahawa sejak tahun 1962 sehingga 2010, isu tuntutan ke atas Sabah telah berterusan secara konsisten. Isu tuntutan ke atas Sabah diakui telah menimbulkan ketegangan antara Filipina dengan Malaysia dalam tempoh yang dinyatakan. Namun begitu, di sebalik ketegangan yang berlaku, dapat dilihat bahawa beberapa pemimpin Filipina bersikap rasional dan profesional dalam tuntutan negara mereka ke atas Sabah kepada Malaysia.

Nazarudin Zainun (2020), tuntutan Filipina ke atas Sabah harus berpijak kepada realiti iaitu harus berasaskan kepada self determination yang dibuat oleh rakyat Sabah. Selain itu, Sepanyol yang menakluk wilayah-wilayah Sultan Sulu, melalui protokol yang ditandatangani di Madrid 1885, telah melepaskan semua tuntutannya ke atas hak memerintah wilayah Borneo yang dimiliki Sultan Sulu sebelumnya kepada kerajaan British. Seandainya tuntutan Sultan Sulu itu sah dan pengurniaan itu bersifat penyewaan, namun, kerajaan Sepanyol yang menjajah wilayah tersebut telah menamatkannya. Walaupun kerajaan Filipina menggantikan Sepanyol selepas itu, (sebelum itu Amerika Syarikat) maka mereka tiada hak lagi untuk menuntut Sabah. Tuntutan Filipina berdasarkan Perjanjian-Perjanjian 1878 sahaja tidak cukup kerana terdapat banyak kelemahan dalam perjanjian tersebut. Dalam hal ini, wilayah yang dituntut pula bukanlah seluruh Sabah tetapi hanya sebahagian kecil sahaja dari Sabah berdasarkan perjanjian 1878.

Kajian oleh Mat Zin Mat Kib (2017) adalah berkenaan sejarah pengurusan pertikaian sempadan antara Britain dan Belanda di Pantai Timur Borneo Utara dari tahun 1878 hingga 1915. Pertikaian ini melibatkan sempadan wilayah Borneo Utara yang bermula sejak awal tahun 1800-an lagi. Pertikaian ini berjaya diselesaikan melalui Perjanjian 1915. Belanda sebenarnya telah menduduki wilayah Borneo sejak abad ketujuh belas lagi. Sejak itu, pertikaian sempadan antara Belanda dan Kesultanan Bulungan telah wujud. Pertikaian ini cuba diselesaikan melalui Contract of Vassalage pada tahun 1850 dan 1878. Pertikaian di wilayah Borneo, khususnya di Borneo Utara menjadi lebih ketara dengan penyerahan wilayah oleh Sultan Sulu kepada Persatuan Overbeck dan Dent melalui Surat Penyerahan bertarikh 22 Januari 1878. Namun, penyerahan ini telah membawa kepada pertikaian

yang berlarutan antara Britain dan Belanda di Pantai Timur Borneo Utara. Hasil kajian mendapati pertikaian sempadan Britain-Belanda di Pantai Timur Borneo Utara adalah diselesaikan melalui permesyuaratan dan konvensyen.

Hamdan Aziz, Shahrin Said (2016) membincangkan isu tuntutan waris Kesultanan Sulu (Filipina) terhadap Sabah menurut perspektif sejarah dan perundangan. Masalah tuntutan ini semakin panas apabila berlakunya peristiwa Lahad Datu yang dicituskan oleh pasukan Tentera Diraja Sulu yang ingin menuntut semula Sabah (Borneo Utara) pada pertengahan Februari 2013. Persoalannya, adakah Sabah dipajak oleh Kesultanan Sulu kepada Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) ataupun diserahkan secara berkekalan. Pertikaian timbul apabila Overbeck pada tahun 1878 menandatangani perjanjian dengan Sultan Sulu untuk menduduki Sabah dengan bayaran tahunan sebanyak 5000 dolar setahun. Beberapa pernyataan daripada protokol, perjanjian, pengisytiharan dan perlembagaan mengesahkan bahawa Sabah dipajak secara berkekalan.

Bilcer Bala (2015) membicarakan tentang tuntutan Sulu ke atas Sabah yang bermula dari tahun 1673-2013. Penulisan ini dimulakan dengan tahun 1673 iaitu dengan peristiwa perang saudara di Brunei berkaitan perebutan takhta dan mengaitkannya dengan Kesultanan Sulu sehinggalah peristiwa pencerobohan Sulu ke atas Sabah dan pelancaran Operasi Daulat ke atas gerakan gerila di seluruh pantai timur negeri Sabah pada 5 hingga 15 Mac 2013. Walau bagaimanapun, kejayaan membanteras gerakan gerila tersebut hanya meredakan isu tuntutan waris Kesultanan Sulu ke atas negeri Sabah.

Norizan Binti Kadir & Suffian Mansor (2014) memperihalkan tentang Presiden Marcos memerintah Filipina di mana pada akhir penggal kedua dan ketiga pemerintahannya memperlihatkan sikap beliau yang lebih sederhana dan bertolak ansur terhadap persoalan Sabah. Pada tahap ini, beliau mulai akur dan sedar dengan hakikat bahawa tuntutan Filipina ke atas Sabah tidak memberikan sebarang keuntungan jangka masa panjang mahupun pendek malah hanya menjejaskan hubungan bilateralnya dengan Malaysia. Perasaan curiga dan sangsi yang berlarutan antara Filipina Malaysia untuk menjalankan kerjasama khususnya dalam aspek persempadanan dan pembangunan ekonomi sering dihantui oleh isu Sabah yang tidak pernah berkesudahan.

Nik Anuar Nik Mahmud (2009), membicarakan sejarah panjang tentang tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara semenjak termeterainya Perjanjian Malaysia 1963. Ia bermula pada 1961 apabila Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman mencadangkan pembentukan gagasan Malaysia yang termasuk Borneo Utara. Pada September 1963, Sabah telah menyertai Malaysia walaupun ia tidak dapat diterima oleh Filipina yang menganggap Sabah sebahagian daripada wilayahnya. Penyertaan Sabah adalah atas pilihan rakyatnya dan perkara ini diperakui oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Dalam hal ini, Sabah bukan sahaja menjadi tuntutan Filipina tetapi juga oleh waris Sultan Sulu semenjak sebelum Perang Dunia Kedua. Kerajaan Filipina terus mendesak dan mempersoalkan tentang Sabah yang menjadi miliknya pada 22 Jun 1962 kepada pihak British. Pada Oktober dan November 1962 Macapagal telah membawa kes tuntutan ini ke PBB dan kemudian berbaik dengan Soekarno serta Azahari (pemimpin parti rakyat Brunei) untuk menentang pembentukan Malaysia. Hasil rundingan antara Tunku Abdul Rahman, Soekarno dan Macapagal, akhirnya kerajaan Filipina dan Indonesia bersetuju untuk menyokong pembentukan Malaysia. Persetujuan dicapai pada 9 Julai 1963 antara kerajaan British dan Tanah Melayu tentang penubuhan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Walaupun hubungan Malaysia dengan Filipina telah pulih tetapi Kerajaan Filipina masih belum menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah.

Jelaslah bahawa isu Sulu dan Sabah adalah isu yang seolah tiada noktah sehinggalah 2023, akhirnya Sabah bebas dari tuntutan Sulu dan sah dalam Malaysia. Namun, sorotan sejarah tuntutan Sulu ke

atas Sabah perlu didokumentasikan dengan teratur sebagaimana kronologi sejarah kemerdekaan negara. Ini sangat penting kerana ia membabitkan kemerdekaan dan kedaulatan Sabah yang merupakan sebahagian daripada negara Malaysia.

Sejarah Tuntutan Sulu

Secara umumnya, Filipina membuat tuntutan terhadap Sabah kerana Kesultanan Sulu, yang berpusat di Filipina, mendakwa memiliki hak ke atas Sabah. Dalam hal ini, Kesultanan Sulu juga mendakwa selain Sabah, beberapa wilayah lain juga menjadi hak mereka seperti Tawi-tawi, Palawan, Basilan, Jolo, Semenanjung Zamboanga dan Basilan di Filipina serta Kepulauan Spratly juga didakwa sebagai hak Kesultanan Sulu.

Nazarudin Zainun (2020) asas kepada konflik ini apabila Filipina mendakwa memperoleh kuasa memerintah Sabah daripada Kerajaan Sulu, manakala Malaysia peroleh kuasa perintah Sabah daripada Kerajaan British. Inggeris mendapat kuasa daripada Syarikat Inggeris Borneo Utara yang mendapatkannya daripada Overbeck & Dent [Penerima hak-hak & Keistimewaan-keistimewaan tertentu] yang dikurniakan oleh Sultan Sulu (Sultan Muhammad Jamalul Alam) berdasarkan dokumen ditandatangani pada 22 Januari 1878. Melalui dokumen tersebut, Filipina menyatakan hak dan keistimewaan yang diperoleh Overbeck & Dent sebagai satu lease [penyewaan], bukan cession [penyerahan] seperti didakwa Inggeris dan kemudian oleh Malaysia sebagai penyerahan [penjualan]. Dokumen tersebut ditulis dalam Bahasa Melayu-Arab, masalah timbul apabila terdapat dua versi terjemahan dokumen tersebut iaitu:

- i. Terjemahan Maxwell-Gibson dalam *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, terjemahan cession dan dianggap oleh Filipina sebagai tidak betul. Tajuk terjemahan: *Grant from the Sultan of Sulu to Baron de Overbeck and Alfred Dent Esquire of Certain Territories and Lands on the Mainland of the Island of Borneo, dated 22nd January 1878.*
- ii. Terjemahan Prof. Conklin, lease dan ini diakui oleh Filipina sebagai betul. Tajuk terjemahan: *Grant by the Sultan of Sulu of a Permanent Lease Covering his Lands and Territories on the Island of Borneo, dated 22nd January 1878.*

1661 – 1673

(Nik Anuar Nik Mahmud, 2009) Perbincangan tentang konflik ini dimulakan dengan era 1661 di mana Perang Pulau Chermin di mana Sultan Muhyiddin (Brunei) telah memohon bantuan Sultan Sulu untuk menamatkan perang saudara yang berlaku di Brunei. Walau bagaimanapun, orang-orang Sultan Shahbuddin (Sulu) yang dihantar tidak menawarkan sebarang bantuan bahkan hanya merampas barang daripada pihak lawan. Apabila perang tamat, mereka mendakwa ia merupakan hasil bantuan yang diberikan dan Sultan Sulu dan seterusnya menuntut Sultan Brunei menyerahkan bahagian Pantai Timur Borneo Utara (Sungai Pandasan sehingga Sungai Sebuku) kepada Kesultanan Sulu.

1878

Berlaku perjanjian pajakan yang ditandatangani oleh Sultan Jamalul 'Azam dengan Baron de Overbeck dan Alfred Dent daripada Syarikat British Borneo Utara (SBBU) pada 22 Januari 1878. Perjanjian ini termeterai bagi memastikan Kesultanan Sulu tidak melakukan kekacauan di Borneo Utara. Ia terpakai selagi pihak Overbeck atau wakilnya membayar wang serahan sebanyak \$3000 setiap tahun dan hanya terbatal sekiranya pembayaran tidak dilakukan selama tiga tahun berturut-turut. Walau bagaimanapun, Kesultanan Sulu telah menganggap Borneo Utara adalah hak miliknya.

1885

Pada tahun 1885 telah termeterai Protokol Madrid yang merupakan perjanjian antara Britain, Sepanyol dan Jerman. Dalam hal ini, Sepanyol yang menaungi Filipina dan wilayah Kesultanan Sulu telah mengiktiraf pendudukan British dan melepaskan semua tuntutannya ke atas Borneo Utara.

1903

(Nik Anuar Nik Mahmud, 2009), 29 April 1903 termeterai Perjanjian Pengesahan penyerahan Pulau di Luar Tiga Liga Laut (Tanganak, Baguan, Sibuko). Sultan Jamalul Kiram menuntut SBBU menyerahkan Pulau – pulau Tanganak dan Mangsee pada tahun 1889 dan mendakwa bahawa pendudukan British di pulau tersebut adalah tanpa kebenarannya. Tuntutan beliau gagal dan akhirnya Sultan Sulu bersetuju menyerahkan pulau – pulau tersebut kepada pihak SBBU.

1915

Pada tahun 1915, Perjanjian Carpenter telah ditandatangani antara Kesultanan Sulu dan Amerika Syarikat di mana Sultan Sulu dikatakan telah melepaskan segala kuasanya kepada pentadbiran Amerika, manakala melalui Konvensyen Washington 2 Januari 1930, British dan Amerika Syarikat yang waktu itu menjadi penaung Filipina melakukan perjanjian bagi penetapan sempadan antara Borneo Utara dan Filipina.

1921-1930

Dalam tempoh 1921-1930, Kesultanan Sulu sentiasa meminta SBBU agar menambahkan bayaran tahunan kepada mereka, namun SBBU menolak tuntutan tersebut. Pada tahun 1930, Kesultanan Sulu melakukan pula tuntutan untuk memiliki sebidang tanah di Sandakan juga telah ditolak oleh SBBU. Pada 7 Jun 1936, Sultan Jamalul Kiram II telah mangkat dan ini meredakan seketika isu tuntutan mereka ke atas Borneo Utara. Walau bagaimanapun, sultan ini tidak meninggalkan waris yang sah menyebabkan berlaku sekali lagi pertikaian tentang bayaran tahunan sebanyak \$5,300.

1936

Keputusan Penghakiman Macaskie - Kemangkatan Sultan Jamalul Kiram II pada 7 Jun 1936 telah meredakan seketika isu tuntutan ke atas Borneo Utara, walau bagaimanapun perbalahan muncul dalam kalangan kerabat diraja berkenaan mengenai penentuan hak penerimaan bayaran tahunan sebanyak \$5,300 memandangkan sultan tersebut tidak meninggalkan waris yang sah. Penghakiman Macaskie telah menyelesaikan masalah ini dengan membahagikan wang tersebut mengikut kedudukan waris dan memutuskan bahawa hak tuntutan waris Kesultanan Sulu hanyalah pada “wang serahan”.

1946

Pada tahun 1946, SBBU telah menyerahkan haknya ke atas Borneo Utara kepada kerajaan British melalui perjanjian yang ditandatangani pada 26 Jun 1946 selepas Perang Dunia Kedua 1942-1946.

1950-an

Memasuki tahun 1950, ahli-ahli Dewan Senat Filipina turut campurtangan dalam isu Sulu dan Borneo Utara. Tindakan British yang menolak tuntutan waris Sultan Sulu iaitu Sultan Mohamad Amirul Ombra menyebabkan mereka mendesak untuk mendapatkan sokongan kerajaan Filipina di bawah pimpinan Presiden Elpidion Quirino. Antara tuntutan tersebut adalah tentang estet waris Sultan Sulu di Borneo Utara, menjadikan Borneo Utara sebagai sebahagian wilayah Filipina serta perlu membayar ganti rugi kepada waris Sultan Sulu sebanyak p500,000, walau bagaimanapun semua

tuntutan ini telah ditolak. Ekoran daripada inilah anggota Dewan Senat mengemukakan cadangan agar menyelesaikan isu ini berdasarkan undang-undang tetapi hasilnya juga tiada tindakan dari kerajaan Filipina.

Pada tahun 1957, menyaksikan pembatalan terhadap Perjanjian Pajak 1878 dan ini disampaikan sendiri oleh Sultan Esmail Kiram yang menyampaikan pembatalan Surat Pajak 1878 tersebut pada 25 November 1957 kepada Duta British di Manila serta menyampaikan hasratnya untuk mengadakan rundingan baru terhadap Borneo Utara. Duta British Gabriel G.L. Clutton dilihat tidak melayan notis tersebut memandangkan Esmail Kiram tidak mempunyai kuasa untuk menamatkan pajak 1878 tersebut. Alasan mereka, Borneo Utara telah dipajak selama-lamanya dan waris Sultan Sulu hanya layak menerima wang serahan sahaja.

1961

Pengumuman gagasan pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman untuk menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara, Sarawak, Brunei dan Singapura pada 27 Mei 1961 telah mengejutkan waris Sultan Sulu dan kerajaan Filipina.

Ini telah menimbulkan ketakutan kepada pihak waris Sulu iaitu Puteri Tarhata Kiram akan kehilangan Borneo Utara akibat pembentukan Malaysia. Untuk itu, Puteri Tarhata Kiram sekali lagi membuat tuntutan ke atas wilayah Borneo Utara tersebut kepada Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina. Tuntutan beliau telah mendapat sokongan daripada akhbar – akhbar Filipina sehingga mendesak Presiden Macapagal agar menuntut Borneo Utara.

1962

23 April 1962, Dewan Perwakilan Filipina telah meluluskan usul “Resolusi Ramos” yang memberi kuasa kepada Presiden Republik Filipina untuk mengambil langkah perlu bagi mendapatkan semula Borneo Utara. Pembentukan Malaysia menarik semula minat kerajaan Filipina tentang isu Borneo Utara dan mendapatkan kembali Borneo Utara. Oleh itu, pada 30 April 1962, Presiden Macapagal mengiktiraf Esmail Kiram sebagai “Putera Mahkota” yang baru dan mengiktiraf Kesultanan Sulu sebagai pemimpin berdaulat di Borneo Utara. Keseriusan kerajaan Filipina ini dapat dilihat apabila Setiausaha Luar Filipina, Emmanuel Pelaez mengadakan perbincangan dengan Tunku tentang isu Borneo Utara. Namun ditolak oleh Tunku dengan mengatakan kes Borneo Utara adalah kes antara Filipina dengan Britain. Dalam hal ini, Tunku menegaskan bahawa Tanah Melayu akan menerima Borneo Utara dalam Persekutuan Malaysia apabila Borneo Utara sudah merdeka dan bebas dari tuntutan Filipina.

Tuntutan Presiden Macapagal ke atas Borneo Utara tetap diteruskan. Ini menyebabkan berlakunya rundingan British-Filipina pada 26 Jun 1962 di mana British meminta agar Filipina menghentikan tuntutan terhadap Borneo Utara. Keadaan ini telah menimbulkan reaksi penduduk Borneo Utara yang mengutuk tindakan Filipina dan meminta kerajaan British agar menolak permintaan dan tuntutan Sulu jika mereka ingin terus mendapat sokongan penduduk Borneo Utara. Kes ini telah dibawa ke Majlis Pertubuhan Bangsa – bangsa Bersatu pada 27 September 1962 untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Tetapi perbincangan hanya terbatas kepada aspek keselamatan dan waris Kesultanan Sulu sahaja tanpa isu wilayah Borneo Utara.

1963

14 September 1963 - Laporan Setiausaha Agung PBB mengesahkan majoriti penduduk di Borneo Utara dan Sarawak bersetuju menyertai Malaysia.

16 September 1963 - Pengisytiharan Persekutuan Malaysia terdiri daripada Borneo Utara, Sarawak, Tanah Melayu dan Singapura.

Agreement 1 Relating to Malaysia

The United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, the Federation of Malaya, North Borneo, Sarawak and Singapore; Desiring to conclude an agreement relating to Malaysia; Agree as follows:

Article I

“The Colonies of North Borneo and Sarawak and the State of Singapore shall be federated with the existing States of the Federation of Malaya as the States of Sabah, Sarawak and Singapore in accordance with the constitutional instruments annexed to this Agreement and the Federation shall thereafter be called " Malaysia ". ”

(United Nations – Treaty Series 1970)

Penubuhan Malaysia pada 16 September 1963, sememangnya menjadi tamparan hebat kepada Sulu bahawa tuntutan mereka ke atas Sabah telah menemui nokhtah yang sebenar-benarnya. Kedaulatan Sabah sudah termeteri yang Sabah sudah merdeka dan berdaulat dalam Malaysia. Secara amnya, kemasukan Sabah ke dalam Malaysia menandakan Sabah sudah bebas dari penguasaan British dan kuasa-kuasa lain seperti Sulu. Walau bagaimanapun, hubungan Filipina – Malaysia renggang pada waktu ini.

1968

(Nik Anuar Nik Mahmud, 2009) pada Mac 1968, telah berlaku Peristiwa Corregidor di mana sekumpulan pemuda Sulu telah dilatih di Pulau Corregidor untuk diseludupkan ke Sabah (Borneo Utara) bagi mengganggu pemerintahan kerajaan Sabah. Walau bagaimanapun, beberapa orang pemuda Sulu tersebut telah ditembak mati ketika menjalani latihan. Peristiwa tersebut telah mendapat perhatian pihak akhbar bukan sahaja di Filipina bahkan juga di Malaysia tetapi Filipina mengambil tindakan berdiam diri dan enggan mengulas perkara tersebut. Pada Ogos 1968, Kongres Filipina meluluskan satu akta untuk memasukan Sabah sebagai sebahagian daripada Republik Filipina.

Nazarudin Zainun (2020) pada Oktober 1968, Filipina membawa isu Sabah ke PBB oleh Narciso Ramos supaya diselesaikan oleh Mahkamah Dunia (World Court). Hubungan Malaysia dan Filipina tegang sebab rundingan di Bangkok gagal. Ketegangan tersebut menjadi lebih parah lagi setelah Presiden Marcos menandatangani dan mengesahkan satu Congressional Bill, menyatakan Sabah merupakan sebahagian daripada wilayah Filipina pada 18 September 1968. Ini membawa kepada penggantungan diplomatik Malaysia-Filipina hingga 16 Disember 1969 apabila Persidangan Menteri-menteri ASEAN diadakan di Malaysia. Kedua-dua negara bersetuju untuk memulihkan hubungan dan memulakan hubungan baik sementara tuntutan tersebut diselesaikan.

1969

Pada tahun 1969, hubungan diplomatik antara kedua negara, Malaysia dan Filipina dipulihkan semula. Walau bagaimanapun, Filipina masih cuba membawa isu tuntutan Sabah ke Mahkamah Antarabangsa tetapi Malaysia menolak kerana Sabah telahpun menjadi sebahagian daripada Malaysia. Mahkamah Antarabangsa juga tidak boleh membicarakan perkara tersebut memandangkan Malaysia bukan ahli dasar Mahkamah tersebut.

2013

2013 - Susulan serangan bersenjata di Lahad Datu, Malaysia menghentikan bayaran wang serahan RM5,300 setahun kepada waris Kesultanan Sulu.

2017

Pada 2017, kumpulan Sulu sekali lagi mengusulkan untuk mendapatkan pampasan terhadap tanah di Sabah yang didakwa telah dipajak oleh nenek moyang mereka kepada sebuah syarikat perdagangan British pada 1878. Mereka masih lagi tidak puas hati lalu mendapatkan timbang tara berhubung perkara berkenaan di Sepanyol, usaha mereka berjaya.

2018

31 Januari 2018 - Firma guaman mewakili waris Sultan Sulu, memohon rundingan semula bayaran wang ihsan bawah Perjanjian 1878, failkan permohonan di Superior Court of Justice, Madrid untuk melantik penimbang tara.

2019

22 Mei 2019 - Mahkamah Madrid memutuskan untuk melantik penimbang tara, Dr Gonzalo Stampa.

19 September 2019 - Peguam Negara Tommy Thomas menulis kepada waris Sultan Sulu menyatakan rasa kesal kerana bayaran dihentikan pada 2013 selepas pencerobohan Lahad Datu, dan menambah Malaysia 'kini bersedia dan sanggup' membayar tunggakan dari 2013 hingga 2019 berjumlah RM48,300.

2020

14 Januari 2020 - Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak membuat keputusan tidak memihak kepada pihak yang menuntut dengan memutuskan Perjanjian 1878 tidak mengandungi apa-apa peruntukan timbang tara.

Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu juga memutuskan mahkamah Malaysia, dan bukannya mahkamah Sepanyol, yang sepatutnya menyelesaikan pertikaian yang timbul daripada surat ikatan 1878.

Mei 2020 - Penimbang tara Dr Stampa mengeluarkan Partial Award on Jurisdiction.

Syed Hamid turut menggesa kerajaan menggunakan keputusan Mahkamah Tinggi Sabah pada 2020 yang tidak memihak kepada tuntutan waris Sultan Sulu untuk menolak sebarang tuntutan mereka.

Pada 14 Januari 2020, Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak yang bersidang di Kota Kinabalu, membuat keputusan Perjanjian 1878 tidak mengandungi apa-apa peruntukan berkaitan timbang tara.

Oleh itu, penimbang tara tidak mempunyai bidang kuasa menyelesaikan isu dibangkitkan dan Mahkamah Tinggi Sabah adalah forum neutral serta teratur untuk memutuskan apa-apa tuntutan berkenaan Perjanjian 1878.

Mahkamah itu juga memutuskan Kerajaan Malaysia tidak pernah pada bila-bila masa menarik balik atau menafikan kedaulatan negara, yang membawa kesan bahawa Malaysia, sebagai sebuah negara berdaulat sejak 1963, apabila Sabah menyertai Malaysia serta ada kekebalan dalam aspek undang-undang antarabangsa.

2021

Februari 2021 - Mahkamah Arbitrasi Perancis merekodkan keputusan Dr Stampa bahawa Malaysia perlu bayar RM62.59 bilion (AS\$14.92 bilion) kepada waris terakhir Sultan Sulu kerana melanggar Perjanjian 1878.

Jun 2021- Mahkamah Tinggi Madrid membatalkan pelantikan Dr Stampa dan memutuskan semua prosiding timbang tara serta keputusannya, termasuk Final Award adalah tidak sah, terbatal dan tidak boleh dikuatkuasakan.

September 2021 - Waris Sultan Sulu memperoleh Perintah Exequatur secara ex-parte (sebelah pihak) daripada Tribunal de Grande Instance di Paris, yang mengiktiraf 'Partial Award' yang dikeluarkan pada 25 Mei 2021 dan membenarkan Dr Stampa memindahkan tempat prosiding timbang tara ke Paris.

13 Oktober 2021 - Mahkamah Madrid memutuskan bahawa Partial Award on Jurisdiction yang dikeluarkan oleh Dr Stampa bertarikh 25 Mei 2021 adalah terbatal.

16 Disember 2021 - Kerajaan Malaysia mencabar Perintah Exequatur yang diperoleh secara ex-parte itu dan memperoleh perintah penggantungan daripada First President of the Paris Court of Appeal.

2022

Mei 2022 - Malaysia menghantar nota diplomatik kepada 168 negara yang menandatangani Konvensyen New York untuk maklumat awal jika ada mana-mana pihak mahu membawa tuntutan mewakili waris Sultan Jamalul Kiram II atau Dr Stampa berhubung 'Final Award' (pampasan) kepada waris Sultan Sulu.

11 Julai 2022 - Dua syarikat subsidiari Petronas di Luxembourg dimaklumkan mengenai penguatkuasaan Final Award melalui penyerahan notis yang dikeluarkan oleh Mahkamah Luxembourg.

12 Julai 2022 - Mahkamah Rayuan Paris membenarkan permohonan Malaysia untuk menggantung penguatkuasaan Final Award dikeluarkan Mahkamah Arbitrasi Paris.

Pada Februari 2022, agensi berita Sepanyol melaporkan penimbang tara negara itu, Gondoza Stampa mengarahkan Malaysia membayar pampasan AS\$14.92 bilion kepada pihak yang mendakwa sebagai waris kumpulan Sulu. Perintah itu dikeluarkan selepas Malaysia didakwa melanggar Perjanjian 1887 yang ditandatangani Sultan Jamal Al-Alam dengan Baron De Overbeck dan Alfred Dent mewakili syarikat British Utara Borneo selepas menghentikan pembayaran wang pemisah (pampasan) berjumlah RM5,300(AS\$1,201) setahun sejak 2013, selepas berlakunya pencerobohan bersenjata di Sabah.

Pada Julai 2022, peguam pihak yang menuntut itu dilaporkan merampas aset syarikat minyak dan gas milik Malaysia, Petronas yang didaftarkan di Luxembourg, iaitu Petronas Azerbaijan (Shah Deniz) dan Petronas South Caucasus, dengan nilai dilaporkan mencecah lebih AS\$2 bilion (RM8.8 bilion). Namun dalam reaksinya, Petronas memaklumkan sudah melupuskan dua asetnya di Azerbaijan dan hasilnya sudah dipulangkan.

Manakala di Malaysia, Menteri Luar dan Menteri Undang-Undang, Tan Sri Syed Hamid Albar mencadangkan menubuhkan satu pasukan peguam tempatan dan antarabangsa bagi mengetepikan semua keputusan timbang tara yang dikemukakan waris Sultan Sulu ke atas Malaysia yang mana

pasukan khas itu nanti akan bertanggungjawab untuk meneliti semua tuntutan yang ada bukan saja daripada waris Sultan Sulu, tetapi juga tuntutan kumpulan lain (Berita Harian 2022). Ini kerana Malaysia tidak mahu ada lagi tuntutan lain daripada mana-mana kumpulan pada masa depan. Beliau berpendapat memandangkan ini adalah isu undang-undang, maka ia perlu diselesaikan melalui saluran undang-undang. Justeru itu, Pejabat Peguam Negara semestinya mempersiapkan pasukan dan strategi tersendiri bagi menghadapi kes ini.

2023

Tahun 2023 melakar kejayaan buat Malaysia di mana pada Januari 2023, Malaysia telah memperoleh kemenangan mengatasi individu yang mendakwa sebagai waris kepada Sultan Sulu apabila pada 25 Januari 2023, Mahkamah di Luxembourg menyetepikan perintah penahanan (*attachment order*) yang dipohon pihak terbabit. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, perintah penahanan yang diketepikan itu dipohon berasaskan dua penganugerahan timbang tara (*purported arbitral awards*) yang dikeluarkan oleh penimbang tara yang dilantik secara tidak sah iaitu Dr Gondoza Stampa. Dalam hal ini, Dr Stampa menganugerahkan kepada penuntut sebanyak AS\$14.92 bilion (RM62.59 bilion) dan Malaysia membantah secara konsisten prosiding timbang tara yang sudah dirancang awal oleh penuntut. Oleh itu, Malaysia akan mengambil segala tindakan perundangan yang ada untuk membatalkan pelantikan Dr Stampa serta 'anugerah' yang diberikan. Ekoran daripada itu, Mahkamah Sepanyol yang melantik Dr Stampa telah membatalkan pelantikan itu secara retrospektif dan '*preliminary award*' yang dikeluarkannya di Madrid. Mahkamah Perancis juga menggantung penguatkuasaan '*final award*' yang dikatakan dikeluarkan oleh Dr Stampa di Perancis.

Untuk itu, Malaysia telah membuat permohonan kepada Mahkamah Luxembourg untuk mendapatkan '*relief interim*' supaya perintah penahanan itu diketepikan. Hasilnya pada 5 Disember 2022, hakim Mahkamah Luxembourg memutuskan menyetepikan perintah penahanan tersebut.

Pada tahun 2023 ini juga menyaksikan Malaysia melancarkan sebuah laman sesawang yang diberi nama Malaysia-SuluCase.gov.my bagi memastikan penyebaran maklumat kes tersebut adalah tepat sekaligus menafikan penyebaran berita yang tidak benar dan palsu kepada orang ramai.

Kesimpulan Terhadap Isu Tuntutan Sulu

Berdasarkan kepada analisis tentang tuntutan-tuntutan Sulu tersebut, antara isu yang perlu diberi perhatian adalah:

- a. Pembayaran *Cession Money* (bayaran penyerahan dan bukan pembayaran sewa) sebanyak USD 5000 setahun kepada waris Sulu adalah hakikat bahawa Sabah telah diserahkan kepada Malaya. Ini bermakna waris Sultan Sulu mengakui bahawa Sabah telah diserahkan (*ceded*), dan bukannya dipajak (*leased*), kepada British North Borneo Company.
- b. Suruhanjaya Cobbolt tahun 1962 telah melaksanakan bancian dan mendapati majoriti penduduk Sabah dan Sarawak mahu merdeka di dalam Malaysia.
- c. Kesultanan Sulu dianggap telah tamat sebaik sahaja Sultan Jamalul Kiram II menandatangani Perjanjian Carpenter pada 22 Mac 1915, yang menyerahkan segala kuasa politik beliau kepada Amerika Syarikat.
- d. Kerajaan Filipina telah berhenti mengiktiraf Sultan Sulu sejak kemangkatan Sultan Mohd. Mahakuttah A. Kiram pada tahun 1986. Filipina hanya mengiktiraf Sultan Sulu pada 24 Mei

1974 semasa Presiden Filipina pada ketika itu iaitu Ferdinand Marcos. Beliau telah mengeluarkan Memorandum Order No. 427 yang menabalkan Mohd. Mahakuttah A. Kiram sebagai sultan. Selepas kemangkatan Sultan Mohd. Mahakuttah A. Kiram, kerajaan Filipina tidak pernah lagi mengiktiraf mana-mana individu sebagai Sultan Sulu.

- e. Perjanjian pajakan yang ditandatangani antara British North Borneo Company dan Kesultanan Sulu itu telah diatasi oleh Protokol Madrid 1885 di mana Kerajaan Sepanyol telah melepaskan kedaulatan ke atas wilayah-wilayah benua Borneo yang dimiliki, atau yang telah dimiliki pada masa lampau, oleh Sultan Sulu (Jolo) kepada kerajaan British melalui perjanjian dengan Jerman dan Great Britain pada 7 Mac 1885.
- f. Keputusan Mahkamah Rayuan Perancis menolak penguatkuasaan 'partial award' Kumpulan Sulu semalam, memberi kemenangan muktamad kepada Malaysia untuk menegakkan kedaulatan negara ini. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata susulan keputusan mahkamah itu, ini bermakna Kumpulan Sulu tidak lagi boleh bergantung kepada keputusan salah yang dibuat di Perancis pada Februari 2022 atas apa-apa tujuan. Dalam pada itu, Mahkamah Rayuan Paris dalam keputusannya juga mendapati penimbang tara, Dr Gonzalo Stampa itu, terkhilaf dalam bidang kuasanya. (Berita Harian, 2023)
- g. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (2023), hak British ke atas Sabah diperoleh melalui Tauliah Sultan Borneo, Sultan Abdul Mumin ibni Almarhum Maulana Abdul Wahab pada 29 Disember 1877 yang melantik Baron de Overbeck, pemilik Syarikat British-Borneo Utara sebagai Maharaja Sabah, Rajah Gaya dan Sandakan. Tauliah bertarikh pada 29 Disember 1877 adalah keterangan kukuh bahawa pemilikan ke atas Sabah telah berpindah kepada negeri Sabah secara sah melalui kurniaan Sultan Borneo yang merupakan pemerintah berdaulat ke atas Sabah, Gaya dan Sandakan. Fungsi kedaulatan beserta milik tanah Sabah, Gaya dan Sandakan sudah terletak hak pada Gustavus Baron de Overbeck pada 29 Disember 1877. Jika Perjanjian Pajakan antara Syarikat British-Borneo Utara dengan Kesultanan Sulu pada 22 Januari 1878 tidak berlaku sekalipun, ia tidak mengubah apa-apa pun.

Selain itu, beliau menambah, tuntutan Kesultanan Sulu ke atas Sabah boleh juga dinafikan kerana pada 22 Julai 1878, Sultan Sulu menyerahkan kedaulatan dan hak wilayahnya kepada Kerajaan Sepanyol. Berikutan itu juga pada tahun 1885, Protokol Madrid ditandatangani antara United Kingdom, Jerman dan Sepanyol yang menyaksikan Sepanyol melepaskan semua tuntutannya ke atas Borneo.

4. Kesimpulan

Tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah tidak berasas dan Sabah secara sah milik Malaysia sejak 1963. Apa yang nyata kes tuntutan Kesultanan Sulu ke atas Sabah adalah berpaksi kepada undang-undang (legal) yang tidak jelas. Justeru itu, perkembangan ini harus dilihat dari aspek undang-undang dan bukannya tuntutan politik semata-mata. Bukan suatu tugas yang mudah untuk Malaysia membawa perkara ini ke timbangtara antarabangsa yang pastinya membabitkan undang-undang dan keadilan pihak antarabangsa. Selain itu, Malaysia juga memerlukan sokongan dari segi kewangan, usaha dan proses dokumentasi yang banyak. Dalam hal ini, Malaysia perlu melakukan kerja keras bagi memastikan dokumentasi adalah lengkap dan mencukupi untuk membuktikan Sabah adalah negeri berdaulat di bawah Malaysia. Dokumen itu perlu didokumentasikan untuk simpanan generasi akan

datang dan akan menjadi rujukan kepada generasi baru akan sejarah kedudukan Sabah sebagai sebahagian daripada Malaysia. Selain itu, kita berharap tidak berlaku lagi sebarang tuntutan daripada waris Sultan Sulu terhadap Sabah pada masa depan sama ada secara individu atau negara.

5. Penghargaan

Penulis mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih buat pihak-pihak yang terlibat dalam membantu penulis menyiapkan makalah ini seperti Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Pusat Sains Kemanusiaan serta Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

6. Rujukan

- Bernama. (2023). “Usaha Gigih Kerajaan Noktahkan Tuntutan Kumpulan Sulu – Pemimpin Sabah”. 28/06/2023.
- Hamdan Aziz, Shahrin Said, (2016). “Tuntutan Kesultanan Sulu Terhadap Sabah: Sorotan Dari Perspektif Sejarah dan Perundangan”, Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, Jilid 9, Bil.2.
- Hasnah Hussiin. (2023) “Sejarah Panjang Tuntutan Sulu ke Atas Sabah”, 4 Oktober 2023, Kosmo.com.my.
- Kemenangan Malaysia dalam kes tuntutan Kumpulan Sulu, apa patut kita tahu”... Jun 7, 2023, bhnews@bh.com.my.
- Maisarah Sheikh Ibrahim. (2023). “British Peroleh Sabah Melalui Tauliah Sah,” Utusan Malaysia, 1 Julai 2023.
- Maisarah Sheikh Rahim. (2023). “British Peroleh Sabah Melalui Tauliah Sah”, Utusan Malaysia, 1 Julai 2023.
- Mat Zin Mat Kib. (2017). “Pertikaian Sempadan di Pantai Timur Borneo Utara Pada Tahun 1878-1915: Satu Kajian Pengurusan Diplomasi Antara British dan Belanda”, Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
- Mazlan Abdullah. (1978). Sejarah Malaysia Timur, Utusan Publications & Distributors.
- Nazarudin Zainun. (2020). “Tuntutan Filipina Terhadap Sabah: Antara Realiti dan Solusinya”, usm.my.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2009) Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara, Penerbit UKM, Cetakan Kedua.
- Norizan Binti Kadir & Suffian Mansor. (2014). “Pengguguran Tuntutan Filipina ke Atas Sabah dan Gerakan Pemisahan Sabah Pada Dekad Kedua Kepimpinan Ferdinand Marcos, 1977-1980”, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, No.23, Bil. 2.
- Nurul Liyana Farahani Razali. (2022). “Sejarah Tuntutan Filipina (Kesultanan Sulu) ke Atas Sabah 1962-2013”, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial, UMS.
- Rammani Karupiah & Mohd Firdaus Abdullah. (2022). “Tuntutan Filipina ke atas Sabah kepada Malaysia, 1962–2010: Analisis dari Perspektif Filipina”, Akademika 92(2),169-185.
- Rohaniza Idris. (2022). “Isu tuntutan waris Kesultanan Sulu: Guna saluran diplomatik, undang-undang”, 15 Julai 2022, bh.com.my.
- W Saidatul Fadzilah W Najemudin. (2022). “Tuntutan waris Sultan Sulu hanyalah permulaan”, Sinar Harian, 15 Julai 2022.